

25 NOV 1999

Tajol-MB

TAJOL MASIH ENGGAN ULAS MENGENAI JAWATAN MB

PENKALAN HULU, 25 Nov (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali masih enggan mengulas lanjut mengenai kemungkinan beliau dilantik menjadi Menteri Besar walaupun Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak ada membayangkan beliau merupakan calon pilihan.

"Saya selalu sebut saya hanya bertanding sebagai ADUN Kenering. Yang lain tu terserah pada PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek rumah kos rendah dan sederhana di sini hari ini.

Najib ketika merasmikan Sekolah Menengah Teknik Gerik, kira-kira 50 Km dari sini, berkata Tajol mendapat kepercayaan Perdana Menteri ketika pemilihan senarai akhir calon.

Najib juga berkata Tajol mempunyai masa depan yang cerah.

Desas-desus mengenai Tajol bakal menjadi Menteri Besar Perak bertambah kuat apabila beliau dicalonkan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kenering pada pilihan raya kali ini. Beliau telah bertanding bagi kerusi Parlimen Gerik sejak tahun 1978.

Tajol, 55, seorang anggota Majlis Tertinggi Umno, telah bertanding dan memenangi kerusi Kenering pada tahun 1977 apabila bapanya Allahyarham Tan Sri Mohd Ghazali Jawi mengosongkan kerusi itu setelah meletak jawatan Menteri Besar Perak.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu Tajol meminta Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNK) supaya menambah jumlah rumah kos rendah yang dibina di sini serta meningkatkan infrastrukturnya.

"Kalau boleh, tasik yang ada berhampiran dijadikan pusat rekreasi atau pusat memancing komersil yang boleh menarik pelancong ke sini," katanya.

Projek tersebut melibatkan pembinaan 16 unit rumah berkembar, 86 rumah teres, 56 rumah berkelompok dan dua unit kedai desa.

-- BERNAMA

HJ NMO